

Kertas ini mengandungi **lapan** soalan. Jawab mana-mana **lima** soalan. Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam bentuk karangan.

(60 markah)

5

(a)

(7m)

Tujuh tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapanya adalah:

1. Menghormati dan memuliakan kedua-kedua ibu bapa.
2. Membantu meringankan bebanan ibubapanya dengan seikhlas hati.
3. Mendoakan keampunan dan kesejahteraan mereka.
4. Memaafkan kekurangan mereka Ketika mereka membesarkannya.
5. Berbicara dengan rasa rendah diri dan hormat walaupun sudah berjaya dalam kehidupan.
6. Segera meminta maaf kepada mereka jika melakukan kesilapan.
7. Sentiasa berusaha untuk menggembirakan hati mereka.

(7 jawapan : 7 x 1m)

(b)

(3m)

Tiga sebab darjat ibu tinggi disisi Allah s.w.t adalah:

1. Melahirkan anak
2. Membesarkan dan menjaga anak dari kecil hingga dewasa
3. Mendidik anak
4. Pengorbanan waktu, masa dan tenaga
5. Doa seorang ibu memiliki keberkatan dan makbul di sisi Allah

(mana-mana 3 jawapan : 3 x 1m)

(c)

(2m)

Dua cara pergaulan seorang anak dengan ibu bapanya yang bukan Islam adalah:

1. Menghormati dan memuliakan mereka
2. Membantu meringankan beban mereka
3. Berbicara dengan rendah diri dan hormat
4. Meminta maaf jika melakukan kesalahan terhadap mereka
5. Berusaha untuk menggembirakan mereka
6. Menyantuni mereka

(mana-mana 2 jawapan: 2 x 1m)

6 Nabi Muhammad s.a.w. menghadapi pelbagai dugaan ketika baginda mula menyebarkan agama Islam di kota Mekah.

(a) Jelaskan tiga sebab kaum Quraisy tidak menyiksa Nabi Muhammad s.a.w. seperti yang dilakukan terhadap orang Islam yang lain. (6m)

Tiga sebab adalah:

1. Pembelaan Abu Talib yang mempunyai kedudukan yang tinggi di antara kaum Arab.
2. Jika Nabi Muhammad s.a.w. disiksa, kaum kerabat beliau berbalas dendam.
3. Nabi Muhammad s.a.w. seorang yang terhormat dan disegani pembesar Quraisy.
4. Nabi Muhammad s.a.w. bukan daripada golongan yang lemah seperti hamba, maka tidak mudah untuk menyiksa baginda.

(mana-mana 3 jawapan : 3 x 2m)

(b) Jelaskan tiga faktor utama yang menghalang kebanyakan orang Quraisy daripada menganuti agama Islam. (6m)

Tiga faktor utama adalah:

1. Politik, kaum arab mempunyai kebanggaan terhadap kaum mereka sendiri dan mereka tidak mahu kaum Abdul Mutalib menjadi ketua.
2. Kedudukan sosial, Quraisy tidak mengajak kepada persamaan terhadap semua manusia antara hamba, orang biasa dan pembesar.
3. Agama nenek moyang, mereka ingin mempertahankan penyembahan berhala yang bertentangan dengan ajaran Islam.
4. Ekonomi, orang Quraisy bergantung pada pekerjaan membuat patung berhala dan ini bertentangan dengan ajaran Islam.

(mana-mana 3 jawapan: 3 x 2m)

7

(a)

(m)

Sayyidina Uthman bin Affan ialah:

1. dilahirkan pada tahun 576 Masihi
2. dikenali sebagai “zunnurain” yang bererti yang memiliki dua cahaya
3. Terkenal dengan sifat pemurah, baik hati dan lemah lembut
4. Beliau tergolong dalam kalangan penganut yang mula-mula memeluk islam.
5. Beliau adalah seorang hartawan yang terkenal dengan sifat dermawan.
6. Beliau banyak berkorban harta untuk menyebarkan islam.

(6 jawapan : 6 x 1m)

(b)

(m)

Pada hari pembunuhan Sayyidina Uthman bin Affan r.a.

1. Peristiwa ini berlaku pada 18 Zulhijjah tahun 35 Hijrah bersamaan 20 Mei tahun 656 Masihi
2. Para pemberontak mengepung rumahnya selama 40 hari dan menyekat hubungan beliau dengan orang ramai.
3. Ketika Sayyidina Uthman sedang membaca Al-Quran, sekumpulan orang dari pemberontak memanjat pintu rumahnya.
4. Pergelutan telah berlaku, lalu salah seseorang daripada mereka telah menikam Sayyidina Uthman r.a hingga mati.

(mana-mana 3 jawapan : 3 x 2m)

Sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah dalam perkembangan ilmu pengetahuan ialah :

1. Menjadikan kota Baghdad sebagai pusat intelektual dan penyebaran ilmu pengetahuan.
2. Menubuhkan Baitul hikmah sebagai sebuah institusi keilmuan.
3. Menterjemah karya falsafah dan sains daripada bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab.
4. Melibatkan ulama dalam penulisan seperti pengumpulan hadis dan menghasilkan tulisan dalam bidang fikah, tafsir dan sejarah.
5. Membezakan ilmu dalam pelbagai bidang pelajaran.

(5 jawapan : 5 x 1m)

Faktor-faktor yang menyebabkan kejatuhan kerajaan bani Abbasiyah ialah:

1. keruntuhan moral khalifah
2. Wilayah kekuasaan dinasti abbasiyah yang begitu luas.
3. campur tangan kuasa-kuasa asing
4. perebutan kuasa antara putera mahkota
5. munculnya pelbagai mazhab
6. Propaganda golongan alawiyyin.
7. ketenteraan yang lemah
8. Pertelingkahan mazhab sunni dan syiah.

(mana-mana 7 jawapan : 7 x 1m)

Selesai